

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG LING BIU [SARIKEI]

TARIKH : 8 NOVEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

TUAN WONG LING BIU minta **KEMENTERIAN KESIHATAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian kepada rakyat yang tidak mahu menerima suntikan vaksin COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, penerimaan vaksin COVID-19 adalah secara sukarela, yang mana setiap penerima vaksin perlu menandatangani borang persetujuan sebelum menerima suntikan vaksin COVID-19.
2. Buat masa ini, tiada tindakan perundangan dan penguatkuasaan yang boleh diambil ke atas individu yang enggan menerima vaksin berikutan masih belum ada keperluan untuk mewajibkan suntikan vaksin COVID-19 ke atas seluruh rakyat Malaysia.
3. Walau bagaimanapun, bagi pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan, Jabatan Perkhidmatan Awam mewajibkan pengambilan vaksin melalui arahan pentadbiran, dan pegawai awam yang masih belum mengambil suntikan vaksin selepas 1 November 2021 tanpa mendapatkan pengecualian daripada pegawai perubatan kerajaan, boleh dikenakan tindakan tatatertib.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Pelbagai inisiatif dilaksanakan oleh Kerajaan bagi menggalakkan penerimaan vaksin COVID-19 di kalangan masyarakat, antaranya adalah:
 - i) memberi pelbagai kemudahan kepada penerima vaksin lengkap, seperti dibenarkan makan di restoran, melakukan aktiviti sukan, berekreasi dan melancong ke destinasi domestik tertentu serta pemendekan tempoh kuarantin wajib daripada 10 hari kepada 7 hari;
 - ii) memudahkan penerimaan vaksin oleh masyarakat dengan menjalankan aktiviti *outreach* ke kawasan kampung dan pedalaman, serta menjalankan aktiviti pemberian suntikan vaksin di rumah bagi individu yang terlantar. Pemberian vaksin juga dilaksanakan secara *walk-in* di beberapa kawasan dan dilaksanakan di tempat kerja bagi industri dengan tenaga kerja yang besar;

- iii) menggunakan vaksin satu dos seperti vaksin CanSino bagi memudahkan capaian vaksin yang menyeluruh kepada masyarakat terutama di kawasan pedalaman dan pulau, perkampungan Orang Asli, pendatang asing tanpa izin (PATI), Pusat Tahanan Imigresen dan penjara;
- iv) menggiatkan aktiviti libat urus (*engagement*), promosi dan pendidikan kesihatan bersama masyarakat bagi menjelaskan sebarang kemosyikilan dan kekeliruan; dan
- v) menjalankan aktiviti libat urus dengan ketua komuniti seperti Tok Batin, penghulu, ketua kampung atau wakil penduduk bagi membantu menyakinkan penduduk setempat mengenai kepentingan pengambilan vaksin COVID-19.

5. Inisiatif yang dilaksanakan Kerajaan ini telah menunjukkan hasil, yang mana sehingga 4 November 2021, **97.8% penduduk dewasa** di Malaysia telah menerima **sekurang-kurangnya satu dos**, manakala **95.8% penduduk dewasa** telah lengkap menerima suntikan vaksin COVID-19; dan **83.4% remaja berumur 12 hingga 17 tahun** di Malaysia telah menerima **sekurang-kurangnya satu dos**, manakala **70.2% remaja ini telah lengkap** menerima vaksinasi.

6. Ini menjadikan jumlah keseluruhan penduduk Malaysia yang telah menerima sekurang-kurangnya satu dos adalah sebanyak 78.1% manakala yang telah menerima vaksinasi lengkap sebanyak 75.4%.

Sekian, terima kasih.